



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “KEPENTINGAN SOLAT”

8 Disember 2023 / 24 Jamadil Awal 1445

الْحَمْدُ لِلّٰهِ<sup>1</sup> الْعَالِي

﴿قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ① الَّذِينَ هُمْ فِي صَلٰاتِهِمْ حَشِّعُونَ ﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ<sup>3</sup> أَوْصِيهِمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللّٰهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dimuliakan

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya; serta mengikhlaskan setiap amal. Semoga dipermudahkan perhitungan kita di Padang Mahsyar, diberatkan timbangan amal kebaikan serta dicucuri rahmat Ilahi menjadi penghuni syurga Nya. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: “KEPENTINGAN SOLAT”

Dari sudut bahasa, solat bermakna doa, manakala dari sudut istilah syarak, solat bermaksud beberapa perbuatan dan perkataan yang dimulai dengan *takbiratul ihram*, diakhiri dengan salam, serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Solat lima waktu sehari semalam, merupakan ibadah khusus dan teristimewa buat umat Islam. Berbeza dengan ibadah-ibadah lain, perintah melaksanakan solat, disyariatkan secara langsung ketika Baginda SAW dijemput menghadap Allah SWT dalam peristiwa Israk Mikraj.

Solat lima waktu sehari semalam, merupakan ibadah utama, juga antara rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim. Solat digambarkan sebagai tiang agama yang menjadi bukti serta kayu ukur utama ketaatan seseorang hamba. Jika ibadah solat berjaya dilaksanakan dengan sempurna, maka akan bertambah baiklah perilaku

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



dan keseluruhan hidup seseorang insan. Kewajipan bersolat difardukan oleh Allah SWT berpandukan ayat 103 surah an-Nisa’:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كَتَبَ اللَّهُ مَوْقُوتًا ﴿١٣﴾ ...

Bermaksud: “Sesungguhnya solat itu adalah kewajipan yang ditentukan waktunya atas orang yang beriman”.

### **Tetamu Rumah Allah yang dimuliakan**

Firman Allah SWT melalui ayat 1 dan 2 surah al-Mukminun yang khatib bacakan pada awal khutbah bermaksud: “Sesungguhnya telah berjaya orang yang beriman. Iaitu orang yang khusyuk dalam solatnya”.

Ayat tersebut mengisyaratkan bahawa solat yang dilakukan dengan khusyuk serta penuh penghayatan merupakan kunci untuk meraih kejayaan hidup. Solat ialah saat paling berharga dibandingkan dengan keseluruhan masa yang dilalui oleh seseorang hamba Allah. Solat mempengaruhi corak kehidupan, menjadi benteng dan pelindung yang berupaya mencegah seseorang daripada perbuatan keji dan mungkar, serta membuatkan jiwa cenderung untuk menggandakan amal kebaikan.

Amat beruntung bagi mereka yang menjaga kewajipan solat. Solat membawa ciri-ciri murni pada perilaku sehingga kesannya dapat dilihat melalui pertuturan yang berhemah, gaya fikir yang matang, sifat sabar, gemar melakukan amal bakti, mendukung kebenaran, mesra dalam pergaulan, bijak mengurus waktu dan pelbagai sifat murni. Lebih penting dari itu, solat turut mempengaruhi kesihatan mental seseorang, memberikan ketenangan, kedamaian jiwa serta mengurangkan tekanan perasaan, sekali gus bermanfaat pada kesihatan fizikal.

Malaysia mencatatkan peningkatan masalah kesihatan mental. Rekod Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan menunjukkan jumlah orang yang mendapatkan rawatan atau sokongan sosial meningkat lima kali dalam tahun 2022 berbanding tahun 2020. Oleh yang demikian, demi melepaskan diri daripada masalah tekanan dan kesihatan mental, ummah diseru meningkatkan kefahaman dan penghayatan solat, serta bersungguh-sungguh melakukannya kerana solat mampu menjadi terapi kesihatan mental dan kesihatan fizikal.



## Mukminin yang dikasihi Allah

Amat malang bagi sesiapa yang dengan sengaja meninggalkan solat atau memandang ringan untuk melakukan solat. Mereka bukan sahaja mengalami kerugian berganda kerana tidak merebut serta memperoleh kebaikan dan manfaat yang telah dijanjikan, tetapi turut melakukan dosa kerana mengingkari perintah Ilahi.

Semoga kita sentiasa memanfaatkan usia kurniaan Ilahi dengan merebut ganjaran yang dianugerahkan apabila kita menyempurnakan solat, serta dijauhkan kita dari golongan mereka yang mendapat azab kerana meninggalkan solat. Firman Allah SWT dalam ayat 42 dan 43 Surah al-Muddassir:

﴿مَا سَلَكُكُمْ فِي سَقَرٍ ﴾٤٣﴿ قَالُواْ لَنَاكُمْ مِنَ الْمُصَلِّيْنَ ﴾٤٤﴾

Bermaksud: (Ahli syurga bertanya kepada ahli neraka) Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqar? Mereka (ahli neraka) menjawab; Kami (ketika di dunia) tidak termasuk dalam golongan yang mendirikan solat.

Solat berupaya meluruskan perjalanan hidup. Ummah yang masih hanyut dalam perbuatan maksiat dan mungkar, menandakan masih gagal melakukan solatnya secara sempurna. Mereka perlu menyemaikan azam baharu – niat dan tekad yang bersungguh untuk melakukan perubahan, serta berusaha memperbaiki kualiti solat agar mencapai tahap sempurna.

Kunci kejayaan bermula dengan amalan solat pada awal waktu. Istiqamah melazimkan solat pada awal waktu, menunjukkan orang yang berjaya mendisiplinkan dirinya dengan pengurusan waktu yang betul dan tepat. Apatah lagi jika solat didirikan secara berjemaah sama ada dengan ahli keluarga di rumah, lebih-lebih lagi amalan berjemaah di masjid atau surau. Allah SWT berjanji akan melimpahi rahmat dan hidayah, seterusnya menjanjikan kejayaan dunia – kejayaan akhirat kepada mereka yang mengutamakan hak Allah dalam urusan hidupnya.

Nabi SAW menganjurkan umatnya agar mendirikan solat secara berjemaah pada setiap waktu dengan menjanjikan 27 ganjaran lebih besar berbanding solat secara bersendirian, terutama bersolat jemaah di masjid atau surau pada waktu isyak dan subuh seperti sabda Baginda SAW:



.. وَلَوْ يَعْلَمُونَ مَا فِي الْعَتَمَةِ وَالصُّبْحِ لَا تَهُمَا وَلَوْ حَبُّا

Bermaksud: Sekiranya mereka mengetahui apa (yang diganjarkan) pada solat Isyak dan Subuh, nescaya mereka akan mendatangi kedua-duanya, walaupun dalam keadaan merangkak.  
(Hadis Riwayat Bukhari & Muslim)

### **Muslimin Mukminin Rahimakumullah,**

Demi memastikan ibadah solat dilaksanakan dengan sempurna dan kusyuk, mimbar menyenaraikan empat perkara:

**Pertama:** Anggaphlah solat sebagai peluang terbaik untuk menghadap Allah SWT. Usah terburu-buru melaksanakannya. Hadirkan sepenuh jiwa dan perasaan, serta berikan tumpuan pada bacaan sambil membayangkan kita sedang bertutur di hadapan Allah SWT yang melihat kita.

**Kedua:** Andai kata kita diberi kesempatan bertemu seorang raja atau pemimpin tertinggi, maka sudah tentu kesempatan tersebut akan dimanfaatkan sebaiknya. Demikian juga solat merupakan kesempatan bertemu Ilahi, ruang untuk ummah memohon keampunan dan pertolongan, merintih penyesalan, mengadu kelemahan, meminta kekuatan – meminta panduan untuk menghadapi ujian hidup.

**Ketiga:** Anggaphlah tiada panggilan yang lebih utama daripada panggilan Ilahi pada saat azan berkumandang. Tinggalkan semua urusan kerja – urusan peribadi, dan utamakan urusan menyahut seruan Ilahi dengan bergegas hadir ke rumah-rumah Allah, bersolat berjemaah di masjid atau surau. **Keempat:** Ketika bersolat, kita sebenarnya menghadirkan diri di hadapan Allah SWT. Oleh itu, tunjukkan sifat-sifat memuliakan Allah SWT dengan membersihkan diri, berpakaian kemas dan indah, memakai haruman, hadir awal ke masjid iaitu rumah Allah, bersolat sunat *tahiyatul masjid*, bersolat sunat *rawatib*, serta bersolat sunat yang dianjurkan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُم بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ، وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتِيَّتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأَ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنَهُمْ  
وَالْأَفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ<sup>6</sup>.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Jadikanlah kami dan seluruh ahli keluarga kami dalam kalangan hamba Mu yang istiqamah melaksanakan ibadah solat dengan sempurna lagi khusyuk. Bukakan pintu hati kami terdorong mengutamakan solat sebaik terdengar seruan azan dan melakukan solat secara berjemaah.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الْأُخْرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَإِذَا كُرِّرُوا اللَّهُ الْعَظِيمُ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

*Imam / Khatib bertugas*  
*\* Pengumuman Sebelum Slat Jumaat*

LAMPIRAN 1:

Adalah dimaklumkan melalui pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023, kerajaan telah bersetuju untuk menawarkan insentif diskaun bayaran balik pinjaman kepada semua peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bermula 14 Oktober 2023 hingga 31 Mac 2024. Perincian adalah seperti berikut:

**TABUNG Pendidikan**

**INSENTIF BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN**

- **Diskaun 10%**  
atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman
- **Diskaun 10%**  
untuk bayaran sekurang kurangnya 50% daripada baki hutang dalam sekar bayaran
- **Diskaun 15%**  
untuk bayaran secara potongan gaji atau debit terus berjadual

Tempoh Diskaun:  
**14 Oktober 2023 - 31 Mac 2024**

[www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)

**MALAYSIA MADANI**

Semua pertanyaan dan urusan berkenaan:

1. Akaun Simpan SSPN Prime & Simpan SSPN Plus
2. Rundingan Bayaran Balik Pinjaman PTPTN
3. Permohonan Pinjaman PTPTN
4. Jemputan untuk Taklimat & Pembukaan Booth Promosi PTPTN/Simpan SSPN

Tuan/ Puan boleh hubungi Pejabat PTPTN Negeri Perak di talian seperti di bawah:

**Call Centre : 05 – 2498 411**

*Waktu operasi pejabat :*

*Iasnin hingga Jumaat (8.30 pagi – 5.00 petang)*  
*(waktu rehat Jumaat – Tutup : 12.15 tengah hari – 2.45 petang)*